



**DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(KOTA KINABALU CITY HALL)**

No.1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 088-521800 Fax: 088-233815, 219175



**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam Kelas yang berkaitan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang memiliki bidang kerja seperti yang di bawah dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja yang berikut:

Nombor dan Tajuk Tender	Pendaftaran	Tempat & Tarikh Dokumen Tender Dijual	Harga Dokumen	Tarikh Tutup Tender
<b>DBKK/T30/2012</b> <b>PROJEK MENAIKTARAF KAWASAN PERSEKITARAN PUSAT BANDARAYA KOTA KINABALU ~ PROJEK KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH</b> <b>PROJEK PENGINDAHAN SUNGAI SEMBULAN (PARCEL 2)</b>	<b>PKK ATAU PUKONSA</b> Kelas A Kepala I Sub Kepala 1 Kepala II Sub Kepala 2(a) dan CIDB Gred G7  *Jenis Pendaftaran - T1	Unit Perolehan Kontrak dan Tender DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, Kota Kinabalu  Tarikh: 21 September 2012 hingga 12 Oktober 2012	RM 1,500.00 Senaskah  Tidak Dikembalikan	22 Oktober 2012  (tidak lewat dari 12.00 tengahari)

Naskah Dokumen Meja Tender boleh disemak dan diperolehi di Unit Perolehan Kontrak dan Tender DBKK, Tingkat 7, Centre Point Sabah, pada waktu pejabat.

Pembayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai atau Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Bank Draft yang dibuat atas nama **Dewan Bandaraya Kota Kinabalu**.

Kontraktor-kontraktor yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri:

1. **Taklimat Tender** pada **20hb September 2012**, 2.00 petang bertempat di Dewan Mesyuarat, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
2. **Lawatan Tapak** pada **20hb September 2012**, 3.30 petang berkumpul di Taman Sungai Sembulan, Kota Kinabalu

Sebuah syarikat hanya boleh mewakilkan seorang sahaja dan wakil tersebut tidak boleh mewakili syarikat yang lain semasa menghadiri Taklimat/Lawatan Tapak.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor jika Borang Lawatan Tapak telah dilengkapkan.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya yang **SAH** sahaja dengan membawa '**SURAT TAULIAH**' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. Untuk maksud ini, kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya hendaklah membawa **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** dan **SIJIL KONTRAKTOR KERJA** yang dikeluarkan oleh **PKK/PUKONSA** dan **CIDB**. Tender yang telah sempurna diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk di sebelah kiri atas sampul surat dan diamatkan kepada:

Setiausaha  
Jawatankuasa Pembukaan Tender SEDIA  
Lot 2, Tingkat Bawah, Wisma SEDIA  
Off Jalan Pintas Penampang  
88873 KOTA KINABALU

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** di **Lot 2, Tingkat Bawah, Wisma SEDIA, Off Jalan Pintas Penampang, 88873 KOTA KINABALU** tidak lewat dari pukul 12.00 tengahari seperti tarikh tutup di atas.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu tidak terikat untuk menerima tender terendah atau sebarang tender.

\* Jenis Pendaftaran T1 -- Syarikat yang 100% milik tempatan (Warganegara Malaysia).

Ketua Unit Perolehan Kontrak dan Tender  
b.p. MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU